

**MAJLIS MESYUARAT NEGARA
BRUNEI DARUSSALAM**

**MESYUARAT KEDUA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21
MAJLIS MESYUARAT NEGARA BAGI TAHUN 2025**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
RABU, 6 OGOS 2025**

PJL03/02/2025

1

No. Soalan: PL177

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERTHORMAT PEHIN ORANG KAYA
INDERA PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG
HAJI SUYOI BIN HAJI OSMAN**

TARIKH : 06.08.2025 [RABU]

SOALAN:

YANG BERTHORMAT PEHIN ORANG KAYA INDERA PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI SUYOI BIN HAJI OSMAN meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah kejayaan program dan kursus bagi warga perkhidmatan awam berhasil dalam mentransformasi dan meningkatkan kualiti kerja penjawat awam? Ini memandangkan ketidakpuasan hati semasa berurusan yang pernah ditimbulkan oleh Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Brunei seperti lambat mengambil tindakan dan memberi keputusan, sukar untuk dijumpai, kehilangan dokumen dan sebagainya.

JAWAPAN:

Terima kasih Yang Bert hormat Yang Di-Pertua

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Dan Salam Sejahtera

- i. Kaola terlebih dahulu mengucapkan terima kasih kepada **Yang Bert hormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman** di atas pertanyaan mengenai sejauh manakah kejayaan program dan kursus bagi warga perkhidmatan awam berhasil dalam mentransformasi dan meningkatkan kualiti kerja penjawat awam.

-
- ii. Untuk meningkatkan kualiti kerja penjawat awam ke arah transformasi perkhidmatan awam, Jabatan Perdana Menteri melalui Institut Perkhidmatan Awam (IPA) telah dan akan terus merancang dan menyediakan pelbagai kursus yang relevan antaranya seperti Rukun Akhlak dan Etika Kerja, pengurusan, pembuatan keputusan, penerapan asas teknologi maklumat (IT), dan lain-lain bagi pegawai dari Bahagian I hingga Bahagian V. Sebagai satu langkah proaktif IPA dalam menilai impak terhadap kualiti kerja hasil mengikuti program latihan ialah pelaksanaan Kajian Impak sejak tahun 2022, disamping menjadi sandaran kepada menilai keberkesanan dan kualiti program yang ditawarkan. Berdasarkan dapatan dari kajian yang telah dijalankan khususnya yang berkaitan dengan kursus IT pada Oktober 2023 menunjukkan impak yang positif terhadap mutu kerja, sikap dan tingkahlaku serta kemahiran. Ini termasuk penilaian yang positif dari aspek kesejajaran antara kursus yang ditawarkan dengan keperluan sebenar agensi.
 - iii. Selain daripada penyediaan program-program latihan yang relevan oleh pihak IPA, adalah penting bagi agensi-agensi Kerajaan untuk memastikan pencalonan bagi menghadiri program latihan adalah dibuat secara strategik, dengan mengenalpasti pegawai dan kakitangan yang bersesuaian untuk menghadiri kursus atau program latihan yang ditawarkan, khususnya mereka yang berada di barisan hadapan (*frontliners*). Para pemimpin dan penyelia di setiap agensi perlu mengetahui perkhidmatan teras agensi masing-masing dan seterusnya berperanan penting dalam mengenal pasti jurang kompetensi, menentukan keperluan latihan (*Training Needs Analysis*) dan merangka intervensi yang bersesuaian bagi meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam. Pendekatan ini dapat memastikan latihan yang dijalankan memberi kesan langsung kepada peningkatan prestasi dan mutu penyampaian perkhidmatan.
 - iv. Namun demikian, kemahiran yang diperolehi melalui kursus hanya merangkumi sekitar 10% daripada keseluruhan intervensi. Selebihnya, 90% peningkatan prestasi sangat bergantung kepada peranan dan perancangan jabatan masing-masing, termasuk on-the-job training, pembelajaran sosial (*social learning*), serta pembudayaan disiplin dan kesedaran diri (*self-awareness*) dalam melaksanakan tugas.
 - v. Bagi mencapai mutu kerja yang menyeluruh dan berkualiti, pendekatan seperti *coaching* di tempat kerja adalah penting, di samping penyusunan tugas yang teratur serta pemantauan hasil kerja secara berterusan. Ini boleh dilaksanakan melalui sistem penilaian sedia ada seperti penilaian kapabiliti, bagi menilai tahap keupayaan sebelum sesuatu intervensi seperti latihan diberikan. Penilaian prestasi turut memainkan peranan penting dalam membuat keputusan lanjut terhadap pembangunan penjawat awam.

Sekian saja yang dapat Kaola sampaikan. Terima kasih.

No. Soalan: PL204

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH ROSMAWATTY BINTI HAJI ABDUL MUMIN

TARIKH : 06.08.2025 [RABU]

SOALAN:

YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH ROSMAWATTY BINTI HAJI ABDUL MUMIN meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bagaimanakah Kementerian Pendidikan menyelaraskan sistem pendidikan tinggi negara dengan prinsip inklusiviti, kelestarian dan kemakmuran yang digariskan dalam Deklarasi Pemimpin ASEAN 2025? Dicadangkan agar dasar, struktur, hala tuju, keberkesanan tadbir urus dan sistem untuk disemak semula, selaras dengan perubahan industri, kemajuan teknologi, kebolehpasaran graduan serta meningkatkan kemasukan ke institusi-institusi tinggi.

JAWAPAN:**Bismillahirrahmanirrahim****Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, selamat pagi dan salam sejahtera.

Terlebih dahulu koala ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas ruang yang diberikan untuk kaola menjawab pertanyaan lisan **PL204** yang diajukan oleh **Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin**.

Deklarasi Pemimpin ASEAN 2025 diselaraskan dengan sistem pendidikan dari peringkat rendah hingga ke pengajian tinggi, melalui inisiatif-inisiatif berikut:

Inklusiviti:

- i. Sejak tahun 1997, Kementerian Pendidikan telah melaksanakan Dasar Pendidikan Inklusif, iaitu kanak-kanak atau pelajar-pelajar berkeperluan khas diberi peluang untuk belajar bersama-sama dengan rakan-rakan sebaya mereka di aliran perdana dan disediakan akses pendidikan sehingga ke peringkat pengajian tinggi.

- ii. Pelajar dari keluarga yang kurang berkemampuan pula disokong melalui berbagai program termasuk Skim Biasiswa Pendidikan Teknikal dan Vokasional (BPTV) yang memberikan peluang pendidikan kepada pelajar golongan berkenaan untuk memperolehi kemahiran teknikal dan vokasional dan melahirkan tenaga kerja TVET yang berdaya saing.

Prinsip Kelestarian:

- Kementerian Pendidikan telah menghasilkan Pelan Pendidikan Hijau iaitu satu inisiatif komprehensif kementerian untuk membentuk generasi yang lebih peka terhadap kelestarian alam sekitar. Usaha ini merangkumi aspek kurikulum, infrastruktur, pembangunan kapasiti serta penglibatan komuniti, selaras dengan pendekatan negara yang menekankan kerjasama antara kerajaan, sektor swasta dan masyarakat.

Prinsip Kemakmuran:

- i. Pelan Strategik dan Pelan Transformasi Digital Kementerian Pendidikan memberi tumpuan kepada penyediaan pelajar siap siaga masa hadapan.
- ii. Institusi Pengajian Tinggi menekankan kurikulum yang relevan dengan industri, keusahawanan dan pengalaman praktikal serta menggalakkan penyelidikan dan inovasi.
- iii. Penganugerahan biasiswa dalam dan luar negeri.

No. Soalan: PL181

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA
INDERA PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG
HAJI SUYOI BIN HAJI OSMAN

TARIKH : 06.08.2025 [RABU]

SOALAN:

YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA INDERA PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI SUYOI BIN HAJI OSMAN meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah usaha Kementerian Pendidikan bagi mengurangkan jumlah pengangguran di kalangan graduan dari institusi pendidikan tinggi dan juga lepasan sekolah melalui perbincangan dan tindakan bersepadu bagi mewujudkan jawatan dan pekerjaan bersesuaian? Sejauh mana kurikulum pendidikan disesuaikan dengan kehendak pekerjaan serta kehendak pembangunan negara secara keseluruhan?

JAWAPAN:**Bismillahirrahmanirrahim****Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, selamat pagi dan salam sejahtera.

Terlebih dahulu koala ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas ruang yang diberikan untuk kaola menjawab pertanyaan lisan **PL181** yang diajukan oleh **Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman**.

Kementerian Pendidikan melaksanakan pelbagai usaha bersepadu untuk mengurangkan pengangguran dalam kalangan graduan lepasan sekolah dan institusi pengajian tinggi (IPT), serta memastikan kurikulum pendidikan sentiasa relevan dengan kehendak pekerjaan dan pembangunan negara secara keseluruhan, seperti berikut:

1. Kolaborasi dengan Majlis Perancangan Tenaga Manusia dan Pekerjaan (MPTMP) dan Pejabat Perancangan Tenaga Manusia (PPTM):
 - Kementerian Pendidikan bekerjasama dengan MPTMP dan PPTM dalam menawarkan Skim Biasiswa Pendidikan Teknikal, Vokasional dan Latihan (Skim TVET) dalam bidang tertentu; dan
 - Merancang keperluan tenaga kerja dalam sektor yang dikenalpasti.

2. Kerjasama Strategik dengan Industri:

- PT melaksanakan penempatan kerja untuk memberikan pelajar pengalaman praktikal bagi meningkatkan kebolehpasaran.
- IPT bekerjasama dengan pihak industri dan badan-badan profesional dalam menyediakan pensijilan dan pengiktirafan yang berkaitan dengan keperluan industri.

3. Penyelarasan Kurikulum dengan Kehendak Pekerjaan dan Pembangunan Negara:

- Rangka Kerja Kelayakan Brunei Darussalam (BDQF) disemak dan dikemaskini selaras dengan amalan terbaik antarabangsa;
- IPT berkolaborasi dengan pihak industri dalam membentuk kurikulum untuk memastikan pembangunan kurikulum yang terarah selaras dengan tren dan jurang kemahiran yang diperlukan oleh pasaran kerja.

No. Soalan: PL268

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT DAYANG CHONG CHIN YEE

TARIKH : 06.08.2025 [RABU]

SOALAN:

YANG BERHORMAT DAYANG CHONG CHIN YEE meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah kerajaan merancang untuk memperkenalkan cuti paterniti? Perkara ini boleh menggalakkan tanggungjawab kerjasama ibu bapa dan memperkukuhkan sistem sokongan keluarga, selaras dengan amalan terbaik antarabangsa. Kebanyakan suami bergantung kepada cuti tahunan atau tanpa gaji untuk menyokong pasangan mereka selepas bersalin dan ini juga sebagai pengiktirafan peranan bapa yang semakin berkembang dan pemanjangan cuti bersalin.

JAWAPAN:**Yang Berhormat Yang Di-Pertua**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

- i. Kaola terlebih dahulu mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee di atas pertanyaan mengenai perancangan bagi “cuti paterniti” atau “Cuti Menemani Isteri Bersalin”.
- ii. Cadangan untuk memperkenalkan cuti menemani isteri bersalin merupakan satu langkah progresif yang dapat menyokong peranan aktif bapa dalam institusi kekeluargaan serta memperkukuhkan sistem sokongan kepada ibu selepas bersalin. Inisiatif ini juga sejajar dengan amalan terbaik antarabangsa yang menekankan kepentingan keseimbangan kerja dan kehidupan keluarga.
- iii. Walau bagaimanapun, pelaksanaan dasar ini memerlukan penelitian secara menyeluruh dan holistik, khususnya dari segi penyelarasan dengan peruntukan berkaitan bawah Akta Buruh serta implikasinya ke atas sektor swasta dan Kerajaan. Penilaian ini penting bagi memastikan pelaksanaannya bersifat inklusif, adil dan berdaya maju kepada semua pihak berkepentingan. Bagi sektor Perkhidmatan Awam, kajian awal berhubung cadangan ini telah pun dijalankan dan sebarang perkembangan selanjutnya akan dimaklumkan pada masa yang bersesuaian.

Sekian saja yang dapat Kaola sampaikan. Terima kasih.

No. Soalan: PL178

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA
INDERA PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG
HAJI SUYOI BIN HAJI OSMAN

TARIKH : 06.08.2025 [RABU]

SOALAN:

YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA INDERA PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI SUYOI BIN HAJI OSMAN meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan adakah pihak Pusat Pekerjaan Brunei terbuka untuk berdialog bersama syarikat-syarikat bagi mendengar dan memperbaiki tatacara serta proses pengambilan pekerja tempatan dan asing agar memenuhi kehendak industri? Beberapa firma mengatakan process melalui Job Centre tidak memudahkan penawaran pekerjaan dan untuk mendapatkan pekerja.

JAWAPAN:**Yang Berhormat Pehin Pengerusi**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

1. Kaola merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada **Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman** atas pertanyaan sama ada **Pusat Pekerjaan Brunei** bersedia untuk berdialog bersama syarikat-syarikat bagi memperbaiki proses pengambilan pekerja tempatan dan asing, memandangkan beberapa firma menyatakan proses sedia ada tidak memudahkan penawaran pekerjaan dan mendapatkan pekerja.
2. Terlebih dahulu, Kaola ingin menerangkan secara ringkas mengenai **peranan Pusat Pekerjaan Brunei (PPB)**, **Jabatan Perdana Menteri**, dalam **proses permohonan pengambilan pekerja asing** atau lazimnya dikenali sebagai **Foreign Worker Clearance Letter (FWCL)**. PPB merupakan salah satu agensi kerajaan yang berperanan meneliti permohonan pengambilan pekerja asing sebelum dihadapkan kepada **Jabatan Buruh** bagi proses lanjut.
3. Dalam proses penilaian tersebut, PPB akan mempertimbangkan sama ada jawatan yang dipohon **boleh diisi oleh anak tempatan atau sebaliknya**. Ini termasuk penelitian terhadap **usaha penyetempatan** (localisation efforts) yang telah diambil oleh pihak majikan sebelum memohon untuk menggaji pekerja

asing. Hanya setelah penilaian menyeluruh dilaksanakan, barulah sokongan terhadap permohonan FWCL akan dipertimbangkan.

4. Selain itu, terdapat permohonan FWCL yang **memerlukan sokongan teknikal dan pengesahan lanjut daripada pengawal selia (*regulators*)** sebelum diputuskan. Antara pengawal selia yang bekerjasama dengan PPB pada masa ini termasuk:
 - i. **Authority for Info-communications Technology Industry of Brunei Darussalam (AITI)**, di bawah Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi;
 - ii. **Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (ABCI)**, Kementerian Pembangunan;
 - iii. **Jabatan-jabatan di bawah Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan**; dan
 - iv. Bermula tahun 2025, **Pejabat Peguam Negara**, Jabatan Perdana Menteri sebagai pengawal selia bagi perjawatan di firma-firma guaman.
5. Dalam hal ini, PPB berperanan penting dengan **bekerjasama rapat bersama pengawal selia** untuk memproses permohonan berdasarkan garis panduan dan syarat yang ditetapkan oleh agensi pengawal selia. Kerjasama ini memastikan setiap permohonan diproses secara **teratur**, telus dan selaras dengan **keperluan industri**.
6. Bagi permohonan yang diproses melalui PPB, sebanyak **76%** daripada **10,053 permohonan** FWCL yang diterima dalam tempoh **1 Januari 2025 sehingga 31 Julai 2025**, berjaya diselesaikan dalam tempoh lima (5) hari bekerja, sejajar dengan Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR). Permohonan yang mengambil **masa lebih lama** lazimnya disebabkan oleh:
 - i. Dokumen sokongan tidak lengkap dan memerlukan semakan atau pertanyaan lanjut daripada PPB; dan
 - ii. Keperluan mendapatkan sokongan daripada pengawal selia, di mana tempoh pemprosesan tertakluk kepada masa yang diambil oleh agensi berkenaan.
7. PPB sentiasa mengamalkan **pendekatan terbuka** dalam menerima pandangan dan maklum balas daripada pelbagai pihak termasuk syarikat swasta dan pencari kerja tempatan. Ini adalah sejajar dengan usaha PPB untuk menambah

baik keberkesanan perkhidmatan dan memastikan setiap inisiatif yang dilaksanakan sejajar dengan keperluan pasaran pekerjaan semasa.

8. Sebagai usaha untuk meningkatkan pencapaian perkhidmatan kepada orang awam dan pihak industri, PPB telah **melanjutkan waktu operasi dari lima (5) hari kepada enam (6) hari seminggu bermula tahun 2022**, termasuk operasi pada hari Jumaat. Langkah ini diambil bagi mendukung keperluan syarikat swasta yang turut beroperasi pada hari tersebut dan bagi memudahkan urusan berkaitan perkhidmatan PPB.
9. Selain itu, PPB turut melaksanakan pelbagai inisiatif untuk **memperkukuh penyampaian maklumat kepada pihak industri** secara strategik dan berkesan, antaranya:
 - i. Taklimat **“Maximising Your Localisation Efforts”** Taklimat ini memperkenalkan platform-platform yang disediakan oleh PPB untuk membantu syarikat mendapatkan tenaga kerja tempatan. Ia juga menjadi wadah perbincangan dua hala antara PPB dan industri, dengan **lebih 70 buah syarikat** telah menyertainya sejak pelaksanaannya pada tahun 2024.
 - ii. **Sesi Muzakarah Bersama Syarikat**
Pada 12 Mei 2025, satu sesi muzakarah telah diadakan melibatkan **26 buah syarikat** dalam sektor peruncitan bagi membincangkan cabaran dalam pengambilan tenaga kerja tempatan, khususnya bagi jawatan Juruwang (Cashier). Sesi ini membolehkan PPB memahami isu sebenar di lapangan dan seterusnya merangka beberapa inisiatif sokongan bagi membantu syarikat mendapatkan pekerja tempatan secara lebih berkesan dan berdaya saing.
10. Sebagai agensi yang bertanggungjawab dalam memacu pembangunan tenaga kerja tempatan, PPB kekal komited untuk **mengukuhkan kerjasama bersama industri, menyediakan perkhidmatan yang inklusif dan responsif, dan kekal relevan dengan keperluan semasa pasaran pekerjaan.**
11. PPB juga **sentiasa terbuka kepada maklum balas dan penambahbaikan berterusan dalam dasar serta pelaksanaan program penempatan kerja**, dengan matlamat untuk memastikan rakyat tempatan mendapat peluang pekerjaan yang adil, menyeluruh dan mampan, di samping mendukung keperluan sebenar tenaga kerja negara melalui penglibatan aktif sektor swasta.

Sekian saja yang dapat kaola sampaikan. Terima kasih.

No. Soalan: PL206

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH ROSMAWATTY BINTI HAJI ABDUL MUMIN

TARIKH : 06.08.2025 [RABU]

SOALAN:

YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH ROSMAWATTY BINTI HAJI ABDUL MUMIN meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah warga tempatan yang mendapatkan peluang pekerjaan di luar negara dan di dalam bidang kepakaran apakah mereka terlibat? Adakah terdapat pangkalan data nasional penghijrahan profesional tempatan, serta pelaksanaan dasar *Return & Serve* dijalankan untuk memastikan mereka kembali berkhidmat di dalam negara dengan pengalaman yang ada?

JAWAPAN:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
Dan Salam Sejahtera

- i. Kaola merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada **Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin** atas soalan mengenai **warga tempatan yang bekerja di luar negara, pemantauan rasmi oleh kerajaan, dan dasar pemulangan bakat tempatan.**
- ii. Pada masa ini, belum terdapat pangkalan data nasional yang komprehensif dan bersepadu bagi merekodkan secara menyeluruh jumlah serta bidang kepakaran warga tempatan yang bekerja di luar negara.
- iii. Walau bagaimanapun, Kerajaan melalui agensi-agensi berkaitan, menyedari akan kepentingan maklumat ini bagi tujuan perancangan tenaga manusia yang lebih strategik dan berimpak tinggi.
- iv. Setakat ini, maklumat berkenaan warga tempatan yang bekerja di luar negara lazimnya diperolehi melalui pendaftaran secara sukarela di agensi-agensi tertentu. Walaupun data yang tersedia masih terhad, pihak kerajaan mengambil maklum bahawa terdapat sebilangan anak tempatan yang sedang berkhidmat dalam pelbagai bidang profesional di luar negara.

-
- v. Dalam hal ini, kerajaan mengalu-alukan anak-anak tempatan, termasuk para graduan, untuk menimba pengalaman di luar negeri, jika berpeluang. Pendedahan kepada persekitaran kerja antarabangsa bukan sahaja memperkaya pengetahuan dan kemahiran mereka, malah membuka peluang untuk memahami teknologi baharu, mengamalkan piawaian kerja bertaraf dunia serta memperluaskan jaringan profesional. Kesemua ini merupakan nilai tambah yang penting dalam memperkukuh daya saing dan kebolehpasaran rakyat Negara Brunei Darussalam di persada antarabangsa, seterusnya menyumbang secara berkesan kepada pembangunan negara apabila mereka kembali.
 - vi. **Berhubung dasar *Return and Serve***, meskipun belum terdapat dasar formal yang mewajibkan warga tempatan yang bekerja di luar negara untuk kembali, kerajaan telah melaksanakan beberapa mekanisme sedia ada, antaranya melalui ikatan biasiswa Kerajaan yang mengkehendaki penerima biasiswa kembali berkhidmat setelah tamat pengajian.
 - vii. Sehubungan itu, pihak kerajaan menyambut baik cadangan Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty. Pihak kerajaan akan meneliti dengan mendalam kesesuaian serta kebolehlaksanaan pendekatan ini, tertakluk kepada keperluan dan keutamaan negara.

Sekian saja yang dapat Kaola sampaikan. Terima kasih.

No. Soalan: PL238

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA
LAILA SETIA DATO SERI SETIA AWANG HAJI
ABD. RAHMAN BIN HAJI IBRAHIM

TARIKH : 06.08.2025 [RABU]

SOALAN:

YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA LAILA SETIA DATO SERI SETIA AWANG HAJI ABD. RAHMAN BIN HAJI IBRAHIM meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan apakah sasaran (KPIs) dan sistem pemantauan Program Pemedulian yang telah diperkenalkan oleh Jabatan Perkhidmatan Pengurusan untuk meningkatkan produktiviti perkhidmatan awam? Apakah tindakan tegas yang akan diambil terhadap kakitangan yang mengabaikan tugas mereka, terutamanya bagi isu kelambatan proses dan layanan agensi kerajaan?

JAWAPAN:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

- i. Kaola terlebih dahulu mengucapkan terima kasih kepada **Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim** di atas pertanyaan mengenai sasaran (KPIs) dan sistem pemantauan Program Pemedulian yang telah diperkenalkan oleh Jabatan Perkhidmatan Pengurusan untuk meningkatkan produktiviti perkhidmatan awam dan tindakan tegas yang akan diambil terhadap kakitangan yang mengabaikan tugas mereka, terutamanya bagi isu kelambatan proses dan layanan agensi kerajaan.
- ii. Seiring dengan kemajuan teknologi dan usaha berterusan Kerajaan dalam meningkatkan penyampaian perkhidmatan awam yang responsif dan mesra pelanggan, Jabatan Perkhidmatan Pengurusan (MSD), Jabatan Perdana Menteri, dengan kerjasama Pusat Kebangsaan e-Kerajaan (EGNC), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, telah memperkenalkan satu inisiatif baharu dikenali sebagai 'Pemedulian Perkhidmatan Awam', ringkasnya 'Pemedulian',
- iii. Pemedulian merupakan sistem maklum balas orang ramai secara dalam talian (online) bagi menggantikan Kaji Selidik Tumpuan Pelanggan (KSTP) dalam

Perkhidmatan Awam. Pendekatan Pemedulian adalah berasaskan data dan pengalaman pelanggan dengan menggunakan soalan kaji selidik yang standard dan sesuai untuk digunakan oleh semua agensi kerajaan.

- iv. Bermula pada 05hb. Julai 2025, orang ramai dialu-alukan untuk menilai tahap kepuasan hati terhadap perkhidmatan yang diberikan oleh agensi kerajaan dengan mengimbas kod QR yang dipamerkan di agensi Kerajaan yang terlibat ataupun melalui pautan selepas berurusan dalam talian. Kod QR agensi-agensi Kerajaan yang terlibat juga boleh diperolehi dengan melayari laman web MSD, www.msd.gov.bn.
- v. Pelaksanaan Pemedulian akan dilaksanakan secara berperingkat mengikut tiga (3) fasa utama. Fasa pertama melibatkan MSD dan agensi kerajaan yang dikenal pasti banyak berurusan dengan orang ramai, iaitu sebanyak 26 agensi. Fasa kedua dilaratkan kepada agensi-agensi yang telah dinilai melalui Program Penggredan Prestasi Sektor Awam (3PSA) melalui Penarafan Bintang; dan akhir sekali fasa ketiga merupakan pelaksanaan menyeluruh kepada semua agensi kerajaan.
- vi. Lima (5) kriteria utama penilaian Pemedulian untuk menilai penyampaian perkhidmatan melalui pelbagai platform (fizikal dan online), iaitu:
 1. Mudah untuk mendapatkan maklumat: Maklumat yang relevan, telus dan mudah diakses;
 2. Menepati tempoh dijanjikan: kepuasan hati orang ramai terhadap ketepatan Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR);
 3. Etika dan layanan: Agensi menunjukkan etika kerja yang profesional serta layanan yang mesra kepada pelanggan;
 4. Kualiti produk dan perkhidmatan: penyampaian perkhidmatan yang mudah, boleh dipercayai, cekap dan responsif; **dan**
 5. Pengalaman terkini: penilaian perbandingan pengalaman semasa dengan pengalaman terdahulu terhadap perkhidmatan yang sama.
- vii. Platform ini akan menggalakkan agensi kerajaan bertindak lebih proaktif dan responsif terhadap maklum balas orang ramai. Ia juga membolehkan pemantauan dan penilaian (Monitoring and Evaluation – M&E) secara berterusan serta penjaan laporan pencapaian kepuasan pelanggan secara *online, automated* dan pantas.
- viii. Keberkesanan pelaksanaan Pemedulian akan diukur melalui Petunjuk Prestasi Utama atau *Key Performance Indicator* – KPI, iaitu “peratus kepuasan hati pelanggan bagi setiap agensi yang terlibat”. Penetapan KPI ini

telah dijadikan ownership dan akauntabiliti bagi pencapaian prestasi setiap Jabatan bermula Tahun Kewangan 2024/2025. Dalam hal ini, sasaran KPI bagi Tahun Kewangan 2025/2026 adalah 84%. Dikongsikan sasaran dan pencapaian KPI terdahulu yang menunjukkan prestasi yang konsisten. Bagi Tahun Kewangan 2021/2022 dan Tahun Kewangan 2022/2023, sasaran 80% telah dicapai dengan pencapaian 84.0% dan 80.8%. Tahun Kewangan 2023/2024 mencatat 81.5% berbanding sasaran 82%. Bagi 2024/2025, sistem pemedulian adalah masih dalam peringkat pembangunan. Manakala, sasaran bagi Tahun Kewangan 2025/2026 dan 2026/2027 masing-masing ditingkatkan kepada 84% dan 86%, sebagai komitmen berterusan terhadap peningkatan prestasi organisasi kerajaan.

- ix. Bagi menangani isu kelambatan proses dan mutu layanan disebabkan oleh kakitangan awam yang mengabaikan tugas atau tidak cekap, antara bentuk tindakan yang boleh diambil termasuklah langkah-langkah mitigasi pentadbiran secara dalaman seperti: penilaian semula proses kerja untuk mengenalpasti *bottleneck* dan memperkemas prosedur; penggunaan *automated system* dan mengoptimalkan penggunaan *digital platform* ; penempatan semula atau penggantian pegawai barisan hadapan yang tidak menunjukkan prestasi memuaskan; serta pemberian kaunseling dan pemantauan berfasa terhadap pegawai yang memerlukan peningkatan prestasi. Sekiranya, terdapatnya kecuaian serius atau berulang oleh seseorang pegawai dan kakitangan, maka tindakan tegas boleh diambil tertakluk di bawah Perintah-Perintah Am (*General Orders*) Perkhidmatan Awam Brunei Darussalam, khususnya dalam aspek tatatertib dan disiplin, seperti diberikan amaran bertulis dan lain-lain yang bersesuaian. Pendekatan ini bertujuan untuk memastikan penyampaian perkhidmatan awam yang responsif, cekap dan berintegriti serta memastikan akauntabiliti dalam kalangan penjawat awam.

Sekian saja yang dapat Kaola sampaikan. Terima kasih.

No. Soalan: PL214

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT DR. AWANG HAJI MAHALI
BIN HAJI MOMIN

TARIKH : 06.08.2025 [RABU]

SOALAN:

YANG BERHORMAT DR. AWANG HAJI MAHALI BIN HAJI MOMIN meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian Pendidikan sudah siap siaga untuk melantik dan mengganti graduan tempatan yang berkemahiran linguistik dalam pengajaran Bahasa Inggeris, bila masa ada peralihan guru *CfBt*, yang kini menempatkan kira-kira 200 guru khusus Bahasa Inggeris dan kontrak mereka akan dijangka akan tamat pada Disember 2026.

JAWAPAN:**Bismillahirrahmanirrahim****Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, selamat pagi dan salam sejahtera.

Terlebih dahulu koala ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas ruang yang diberikan untuk kaola menjawab pertanyaan lisan **PL214** yang diajukan oleh **Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin**.

Kementerian melalui Jabatan Pengurusan Pendidik (JPP) secara berterusan melaksanakan pengauditan keperluan tenaga pengajar di sekolah-sekolah termasuklah guru-guru bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris. Usaha penyusunan dan penempatan semula (*redeployment*) guru-guru berdasarkan keperluan sebenar sekolah juga sedang dilaksanakan bagi memastikan pengagihan guru lebih seimbang dan memenuhi keperluan sekolah. Di samping itu, Kementerian secara berterusan melaksanakan proses pengambilan guru-guru tempatan melalui Program Perantis, Program Immersi serta inisiatif Skim Perantisan Perkhidmatan Awam (SKIPPA). Semua ini dilaksanakan bagi persediaan apa jua perancangan hala tuju guru CfBT.

No. Soalan: PL207 & PL208

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT DR. AWANG HAJI MAHALI
BIN HAJI MOMIN

TARIKH : 06.08.2025 [RABU]

SOALAN:

YANG BERHORMAT DR. AWANG HAJI MAHALI BIN HAJI MOMIN meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan yang boleh diambil bagi memastikan pentadbiran negara lebih cekap dan berkesan? Ini mengambil kira hanya 54% daripada 48 agensi Kerajaan menerima satu bintang, seperti mana yang dinyatakan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II semasa Mesyuarat Pertama dahulu.

YANG BERHORMAT DR. AWANG HAJI MAHALI BIN HAJI MOMIN meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan bolehkah Kementerian menyatakan agensi-agensi manakah yang telah menerima penarafan 4 bintang serta contoh faktor kejayaan utama yang boleh dijadikan sebagai rujukan oleh agensi lain untuk meningkatkan prestasi? Ini mengambil kira dalam penilaian 3PSA hanya dua agensi kerajaan yang mencapai penarafan 4 bintang.

JAWAPAN:**Yang Berhormat Yang Di-Pertua**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Kaola terlebih dahulu mengucapkan terima kasih kepada **Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin** di atas dua (02) pertanyaan berkaitan dengan Program Penggredan Prestasi Sektor Awam Melalui Penarafan Bintang, atau ringkasnya 3PSA, iaitu mengenai tindakan yang boleh diambil bagi memastikan pentadbiran negara lebih cekap dan berkesan terutamanya mengambilkira terdapatnya agensi Kerajaan yang hanya menerima satu bintang, dan seterusnya contoh-contoh faktor kejayaan agensi yang telah menerima penarafan 4 bintang.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Izinkan Kaola untuk menjawab kedua-dua soalan yang berhubungkait itu.

Jabatan Perdana Menteri melalui Jabatan Perkhidmatan Pengurusan (MSD), melaksanakan 3PSA sebagai salah satu mekanisme untuk memperkukuh urustadbir agensi-agensi kerajaan. Penilaian ini merangkumi aspek utama seperti Perancangan Strategik, Pembaharuan dan Penambahbaikan, Pengurusan Sumber Manusia serta Pemedulian Pelanggan, dengan penekanan kepada pendekatan berasaskan bukti dan pencapaian (evidence and results-based). Sehingga Tahun Kewangan 2023/2024, sebanyak dua (2) agensi berjaya mencapai penarafan empat (4) bintang, iaitu tahap Sangat Baik, iaitu:

- Jabatan Perkhidmatan Makmal, Kementerian Kesihatan; dan
- Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Jabatan Perdana Menteri.

Pencapaian ini mencerminkan tahap kecemerlangan dalam pelbagai aspek pengurusan dan penyampaian perkhidmatan awam. Antara faktor kejayaan utama agensi-agensi ini yang boleh dijadikan rujukan bagi agensi lain termasuklah:

1. Kepimpinan Proaktif dan Berwawasan

Pengurusan tertinggi memainkan peranan utama dalam menetapkan hala tuju strategik, memacu budaya prestasi, serta menerapkan semangat inovasi dan tanggungjawab bersama di semua peringkat organisasi.

2. Perancangan Strategik yang Jelas dan Diukur

Penyediaan pelan strategik yang selaras dengan hala tuju dasar Kementerian dan Jabatan serta kebangsaan, disokong oleh penggunaan penunjuk prestasi utama (KPI) yang jelas dan relevan yang dapat mengukur keberkesanan dan keberhasilan perkhidmatan.

3. Pelaksanaan Program Penambahbaikan Berasaskan Kitaran Dasar (Policy Cycle)

Program pembaharuan dan penambahbaikan dilaksanakan secara terancang, meliputi empat (4) kitaran dasar, iaitu perancangan; pelaksanaan; pemantauan dan penilaian.

4. Pemerkasaan Sumber Tenaga Manusia

Pengurusan dan pembangunan sumber manusia yang berkesan, dengan penekanan kepada peningkatan kemahiran melalui latihan berterusan, penglibatan dalam pemantauan dalaman, serta penyertaan aktif dalam usaha penambahbaikan.

5. Fokus kepada Kualiti Penyampaian Perkhidmatan

Penekanan diberikan kepada penyampaian perkhidmatan yang konsisten dengan dokumen Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR) dan Manual Prosedur Kerja (MPK), di mana pelaksanaan proses kerja adalah selaras seperti yang didokumenkan. Sistem aduan dan maklum balas pelanggan juga berfungsi dengan berkesan, manakala Kaji Selidik Tumpuan Pelanggan (KSTP) dilaksanakan secara berkala dan dipantau secara konsisten, dengan dapatan yang diperoleh dimanfaatkan sebagai asas kepada usaha penambahbaikan berterusan.

6. Komitmen Berterusan terhadap Budaya Kecemerlangan

Pelaksanaan sistem pemantauan dalaman yang teliti melalui pelbagai kaedah seperti mesyuarat pengurusan atasan, pelantikan pegawai fokal dan penyediaan laporan tahunan. Di samping itu, agensi menerapkan komitmen terhadap budaya penambahbaikan, yang didukung oleh semangat kerja berpasukan serta keterbukaan terhadap maklum balas bagi memperkukuh prestasi perkhidmatan secara menyeluruh dan berterusan.

Agensi-agensi ini menunjukkan bahawa kejayaan bukan sekadar hasil daripada pelaksanaan sistem dan prosedur, tetapi didorong oleh komitmen kepimpinan, penglibatan warga kerja, dan keupayaan untuk beradaptasi dengan keperluan semasa, termasuk memanfaatkan teknologi serta menjaga kepentingan pelanggan secara menyeluruh.

Selanjutnya, pada mengambil kira akan pencapaian penilaian 3PSA, yang menunjukkan hanya 54% daripada 48 agensi kerajaan memperoleh satu bintang, ini terus menekankan kepentingan bagi intervensi yang lebih menyeluruh dan bersasar (targeted). Ke arah ini, selain penganjuran program-program bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan agensi Kerajaan, seperti pemantauan Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR), pengendalian aduan orang ramai, penelitian semula proses-proses kerja, Jabatan Perdana Menteri melalui Jabatan-Jabatan berkaitan terus sahaja melaksanakan pelbagai inisiatif strategik terkini selaras keperluan semasa seperti:

- **Pertama, pengukuhan Pelaksanaan 3PSA sebagai diagnostic tools** yang sentiasa relevan dan mendukung Perkhidmatan Awam yang progresif. Antaranya, Penilaian Sendiri (Self-Assessment) 3PSA agensi Kerajaan bagi mengenal pasti bidang-bidang atau skop 3PSA yang memerlukan penambahbaikan serta merangka tindakan pembaikan awal. Seterusnya, sesi semakan Checkpoint (mid-term review) 3PSA turut dilaksanakan untuk memastikan komitmen agensi melaksanakan tindakan pembaikan secara konsisten.

- **Kedua, melalui inisiatif Transformasi Sistem Kerja (TSK)**, agensi disarankan untuk menyusun semula proses kerja sedia ada agar pemberian perkhidmatan menjadi lebih mudah, berkesan dan mesra pelanggan. Penekanan diberikan kepada penyelarasan proses (streamlining) termasuklah menambahbaik TPOR, pengintegrasian perkhidmatan, serta peningkatan kepuasan pelanggan;
- **Ketiga, pengwujudan sistem e-Pemedulian Pelanggan (e-PP)** bagi memudahkan pengumpulan data semasa serta memperkuat keupayaan sistem dalam pemantauan dan penilaian (M&E), data analytics, meramal dan merancang (forecasting & planning) serta menganalisa tren (trend analysis) penyampaian perkhidmatan agensi-agensi kerajaan. Sistem ini merupakan platform digital hasil kerjasama dengan EGNC, yang menggunakan platform Talian Darussalam (TD123) dan akan dilaksanakan secara berfasa. Fasa 1 melibatkan penghijrahan tiga (3) program kepada sistem online: iaitu Kaji Selidik Tumpuan Pelanggan (KSTP) yang kini dikenali sebagai Pemedulian; Pengendalian Aduan Orang Ramai; dan Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR). Modul pertama, iaitu Pemedulian, telah dilancarkan pada 5hb. Julai 2025, bagi membolehkan orang ramai memberi maklum balas terhadap kualiti perkhidmatan agensi Kerajaan secara atas talian, dengan Fasa Pertama Pemedulian ini menumpukan agensi-agensi Kerajaan yang banyak berdepan dengan orang ramai. Pelaksanaan e-Aduan dan e-TPOR akan dilaksanakan di peringkat seterusnya;
- **Keempat, pemerkasaan Kaedah Pendekatan Awam (Regular Public Engagement, RPE)** melalui perancangan untuk membangunkan portal khusus yang membolehkan maklum balas diperoleh secara langsung (real time) terhadap sebarang cadangan pembaharuan dasar dan peraturan yang akan diperkenalkan oleh agensi-agensi Kerajaan. Program ini adalah bagi menggalakkan penglibatan pihak berkepentingan dalam sama-sama menyumbang kepada pembentukan dasar dan program Kerajaan.
- **Kelima, memupuk budaya inovasi dalam Perkhidmatan Awam** seperti penganjuran Anugerah Inovasi Perdana (AIP) untuk memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada agensi-agensi kerajaan yang berjaya melaksanakan usaha-usaha penambahbaikan dan pembaharuan (inovasi) dalam urustadbir baik (good governance) dalam Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam. Dalam pada itu, perancangan giat dijalankan bagi membangun rangkakerja ke arah pewujudan innovation ecosystem yang mampan di dalam Perkhidmatan Awam, yang antarlain akan membuka ruang luas kepada agensi Kerajaan untuk menghasilkan pembaharuan dan meningkatkan penambahbaikan melalui projek dan program yang inovatif.

-
- **Keenam, program pembangunan kapasiti sumber manusia** yang memfokuskan kepada latihan berstruktur yang berasaskan kompetensi, khususnya dalam bidang kepimpinan, penyampaian perkhidmatan, pengurusan perubahan dan digital turut diberi keutamaan. Bagi memastikan latihan yang disediakan akan sentiasa selaras dengan keperluan sebenar agensi-agensi Kerajaan, program-program latihan adalah hasil Institut analisis keperluan latihan (Learning Needs Analysis).

Usaha-usaha ini adalah selaras dengan komitmen Kerajaan untuk memperkukuh sistem pentadbiran Perkhidmatan Awam yang berkualiti, responsif dan memenuhi keperluan rakyat, ke arah merealisasikan matlamat Wawasan Brunei 2035 untuk meningkatkan taraf hidup rakyat.

Sekian saja yang dapat Kaola sampaikan. Terima kasih.

No. Soalan: PL162

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG HAJI DAUD BIN JIHAN

TARIKH : 06.08.2025 [RABU]

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG HAJI DAUD BIN JIHAN meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan apakah status terkini mengenai projek pembinaan Balai Cerap?

JAWAPAN:

- Terima Kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima Kasih juga diucapkan kepada Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan yang telah membangkitkan mengenai dengan status pembinaan Balai Cerap
- Peruntukan sebanyak \$1,898,800.00 telah diluluskan bagi Projek Pembinaan Balai Cerap. Pada masa ini Jabatan Ukur sedang meneliti semula konsep rekabentuk Balai Cerap dengan mengambil kira keperluan teknikal semasa serta kesesuaian dan mengikut keutamaan penggunaan peruntukan yang ada, agar projek ini dapat direalisasikan dengan lebih berkesan.
- Oleh yang demikian projek ini belumlah dapat diteruskan.
- Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Sekian sahaja jawapan yang Kaola dapat sampaikan dalam menjawab soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan. Sekian, Terima Kasih.

No. Soalan: PL211

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT DR. AWANG HAJI MAHALI
BIN HAJI MOMIN

TARIKH : 06.08.2025 [RABU]

SOALAN:

YANG BERHORMAT DR. AWANG HAJI MAHALI BIN HAJI MOMIN meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan bilakah bursa saham Brunei dijangka akan mula beroperasi mengambilkira keperluan pindaan undang-undang dan garis panduan penyenaraian yang perlu diselesaikan? Dengan kajian kebolehlaksanaan telah disiapkan dan fasa pelaksanaan dimaklumkan bermula sejak Mac 2025, kejelasan mengenai garis masa pelancaran rasmi bursa saham adalah penting bagi membolehkan pelabur dan syarikat tempatan membuat persediaan.

JAWAPAN:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua,

Kaola ingin mengucapkan terima kasih Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin atas pertanyaan berhubung bursa saham Brunei.

Berdasarkan perancangan terkini, fasa pelaksanaan projek ini dikira akan mengambil masa selama dua (2) tahun setelah dimulakan, dan InsyaAllah pelancaran rasmi bursa saham disasarkan akan dapat dilaksanakan pada tahun 2027, tertakluk kepada proses pindaan perundangan dan kesediaan sistem itu nanti.

Pihak Kementerian Kewangan dan Ekonomi amat menghargai dan berbesar hati atas sokongan yang telah diberikan oleh kesemua pihak, dan akan terus berusaha untuk memastikan para pelabur dan syarikat tempatan akan bersedia serta komited dalam proses penyenaraian menjelang pelancaran rasmi bursa saham Brunei itu nanti.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

No. Soalan: PL256

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG HAJI MOHAMAD DANIAL @ TEKPIN BIN YA'AKUB

TARIKH : 06.08.2025 [RABU]

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG HAJI MOHAMAD DANIAL @ TEKPIN BIN YA'AKUB meminta **MENTERI HAL EHWAL UGAMA** menyatakan apakah usaha dan perancangan pihak Kementerian di dalam menangani isu kekurangan imam atau pegawai masjid dan apakah ada diwujudkan program khusus secara konsisten yang menggalakkan masyarakat khususnya belia-belia meminati jawatan-jawatan berkenaan?

JAWAPAN:

Dalam menangani isu kekurangan imam atau pegawai masjid bagi masjid seluruh negara, beberapa inisiatif telah dilaksanakan seperti berikut:

1. Menetapkan sukat-sukat jumlah pegawai masjid mengikut kategori masjid seperti berikut:

Bil	Kategori Masjid	Jumlah Pegawai Masjid		
		Imam	Bilal	Jumlah
1	Masjid Negara	• 1 Imam Tkt Khas B3 • 7 Imam Tkt I	-	8
2	Masjid Utama	• 1 Imam Tkt Khas B3 • 1 Imam Tkt I • 1 Imam Tkt II	• 1 Bilal Tkt I • 1 Bilal Tkt II	5
3	Masjid Mukim	• 1 Imam Tkt Khas B3 • 1 Imam Tkt I	• 1 Bilal Tkt I • 1 Bilal Tkt II	4
4	Masjid Kampong	• 1 Imam Tkt I • 1 Imam Tkt III	• 1 Bilal Tkt I	3

5	Surau	• 1 Imam Tkt I • 1 Imam Tkt III	• 1 Bilal Tkt II	3
6	Balai Ibadat	• 1 Imam Tkt 1 • 1 Imam Tkt IV	• 1 Bilal Tkt II	3

2. Melaksanakan pengisian jawatan secara terancang dan teratur dengan memproses jawatan-jawatan pegawai masjid yang akan bersara dalam tempoh 6 bulan ke hadapan bagi memastikan kekosongan jawatan dapat diisikan setelah persaraan. Pada masa ini terdapat sebanyak 23 kekosongan jawatan pegawai-pegawai masjid yang pada masa ini kesemuanya sudah diproses untuk diisikan.
3. Menempatkan seramai 65 orang Perantis SkiPPA di Jabatan Hal Ehwal Masjid bagi menampung keperluan pegawai-pegawai masjid di seluruh negara.
4. Dalam pada itu, usaha tambahan pihak Jabatan Hal Ehwal Masjid bagi memenuhi keperluan imam dan bilal adalah melalui pendekatan lantikan Pelapis Imam dan Pelapis Bilal sama ada dalam kalangan Bilal atau Merbut sendiri atau orang awam khususnya lepasan graduan bidang ugama yang belum bekerja.

Jabatan Hal Ehwal Masjid telah mengadakan Program / Kursus / Bengkel bagi Pelapis Imam dan Bilal di kalangan jemaah dan belia masjid sebagai bimbingan dan galakan kepada mereka untuk menjadi Imam atau Bilal.

No. Soalan: PL269

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT DAYANG CHONG CHIN YEE

TARIKH : 06.08.2025 [RABU]

SOALAN:

YANG BERHORMAT DAYANG CHONG CHIN YEE meminta **MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah kementerian akan mempertimbangkan mandat mingguan bagi orang ramai untuk memakai Kain Tenunan dan Batik tempatan sebagai usaha membangunkan industri tekstil tempatan dan meraikan identiti budaya negara, mengambil kira keberjayaan Brunei dalam menyumbang kepada penyenaian Kebaya di bawah *Representative List of the Intangible Cultural Heritage of Humanity* oleh UNESCO?

JAWAPAN:

1. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua dan Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee atas cadangan untuk mempertimbangkan mandat mingguan pemakaian kain tenunan dan batik tempatan sebagai usaha memartabatkan identiti budaya negara serta menyokong pembangunan industri tekstil tempatan.
2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) sentiasa komited dalam memelihara, mempromosi dan mendidik masyarakat mengenai nilai simbolik dan jati diri yang terkandung dalam kain tenunan Brunei dan batik tempatan. Kain-kain ini bukan sekadar fabrik, tetapi merupakan warisan budaya yang telah sebatih dalam kehidupan masyarakat Brunei, merentasi generasi, etnik dan lapisan sosial. Pemakaiannya sudah menjadi kelaziman dalam majlis beradat, acara rasmi, dan juga sebagai pakaian harian oleh sebahagian masyarakat secara sukarela.
3. Berhubung cadangan untuk menjadikannya satu mandat mingguan, pendekatan tersebut belum dianggap perlu buat masa ini kerana amalan pemakaian kain tradisional masih berkembang secara organik dalam masyarakat kita, termasuk dalam kalangan belia. Kejayaan ini adalah hasil pendekatan berbentuk motivasi dan insentif seperti penciptaan rekaan fesyen baharu, padanan tudung yang menarik, serta penganjuran acara pameran dan promosi yang menyemarakkan semula minat terhadap warisan tekstil. Pemakaiannya amat ketara dalam Majlis-majlis beradat istiadat, majlis kenegaraan, Majlis-majlis Perkahwinan, Festival Kebudayaan, dan Festival

Permainan Tradisi turut menyelitkan elemen tenunan dan busana tradisi sebagai medium ekspresi budaya.

4. Walau bagaimanapun, KKBS tidak menolak kemungkinan untuk melaksanakan dasar galakan yang lebih terstruktur pada masa hadapan, sekiranya terdapat kehendak masyarakat dan keperluan strategik kebangsaan. KKBS juga mengambil maklum akan cabaran sekiranya pendekatan mandatori dilaksanakan, khususnya terhadap kain tenunan yang merupakan komoditi berprestij dan eksklusif, penggunaannya secara harian berisiko mencairkan makna simbolik dan nilai warisannya.
5. Dari segi pembangunan industri, Industri Budaya dan Kreatif termasuk kain tenunan dan batik telah menyumbang antara 2 hingga 3 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) berdasarkan pendekatan *World Intellectual Property Organisation (WIPO)*. Produk-produk ini telah dipamerkan di peringkat serantau dan antarabangsa, serta disokong oleh pelbagai kajian dan penerbitan seperti Aplikasi Mencipta Rekabentuk dan Bunga Tenunan, Mewarna Kain Tenunan, dan Melestarikan Permainan Tradisi Kitani. Strategi pewartaan juga telah dilaksanakan bersama Pejabat Peguam Negara melalui usaha mendaftarkan kain tenunan sebagai *Geographical Indication (GI)*, dengan kerjasama pakar-pakar dari WIPO yang telah dijemput untuk memberi latihan dan penilaian. Langkah seterusnya adalah pencalonan ke dalam senarai UNESCO dalam masa terdekat.
6. Kesimpulannya, pendekatan Kementerian adalah bersifat fleksibel, inklusif dan berfasa, dengan penekanan kepada pengukuhan kesedaran budaya, insentif kreatif dan sokongan komuniti dan pemerksaan industri tekstil tempatan sebagai warisan dan pemacu ekonomi. Tanpa menafikan nilai budaya tinggi yang terkandung dalam pemakaian kain tenunan dan batik Brunei, kementerian akan terus menyokong usaha yang meraikan identiti budaya negara secara lestari dan progresif.
7. Sekian sahaja yang dapat diulaskan, terima kasih.

No. Soalan: PL151 & PL173

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG ZAINOL BIN HAJI MOHAMED

YANG BERHORMAT AWANG LAU HOW TECK

TARIKH : 06.08.2025 [RABU]

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG ZAINOL BIN HAJI MOHAMED meminta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk memperkukuh keberkesanan peranan institusi Ketua Kampung dan Majlis Perundingan Kampung melalui pelaksanaan modul latihan kebangsaan dan pembinaan kapasiti secara berterusan yang lebih sistematik dan seragam di seluruh daerah, agar penyampaian perkhidmatan di peringkat akar umbi lebih responsif dan berpandukan keperluan masyarakat setempat?

YANG BERHORMAT AWANG LAU HOW TECK meminta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan apakah pendekatan Kementerian dalam meningkatkan keberkesanan sistem respons kepada aduan masyarakat di peringkat Jabatan Daerah dan Majlis Perundingan Mukim? Ini adalah untuk memastikan tindakan bukan hanya bersifat reaktif, tetapi berdasarkan pemantauan proaktif dan pelaporan berkala.

JAWAPAN:

Kaola memohon izin Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua untuk menjawab soalan PL151 daripada Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed dan PL173 daripada Yang Berhormat Awang Lau How Teck, mengambilkira ianya adalah berkait rapat dan menyentuh mengenai perkara yang sama.

Terima kasih Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dirahmati Allah, yang peramba/Kaola/Saya hormati,

1. Kaola sukacita mengongsikan di Dewan Yang Mulia ini, sepertimana yang digariskan dalam Skim Perkhidmatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung Negara Brunei Darussalam 2013, seorang Penghulu Mukim dan Ketua Kampung adalah berperanan sebagai mata, telinga dan lidah Kerajaan dan penduduk mukim dan kampung dalam menjaga serta mengawasi kepentingan, kesejahteraan, kebajikan dan keselamatan mukim dan kampung. Penghulu Mukim dan Ketua Kampung juga memainkan peranan penting dalam memperkasa masyarakat melalui pelbagai inisiatif ekonomi, kemasyarakatan dan keagamaan.
2. **Lapan (8) Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi Penghulu Mukim dan Ketua Kampung** telah pun dibentuk dan diperkenalkan pada 13 haribulan Februari, 2024 dimana **Petunjuk Prestasi Utama (KPI)** ini adalah berasaskan prestasi yang diselaraskan dengan **Pelan Strategik Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri 2023-2027**, yang menekankan peranan pemimpin akar umbi dalam lima (5) aspek utama iaitu **Kepimpinan dan Pengurusan; Kemaslahatan Anak Buah Mukim atau Kampung; Keselamatan; Ketersediaan Prasarana; dan Perekonomian di Mukim atau Kampung**.
3. Alhamdulillah, berdasarkan analisa ke atas **Laporan Penilaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Penghulu Mukim dan Ketua Kampung yang dibuat dalam tahun 2024**, sukacita dikongsikan diantara pencapaian pelaksanaan Petunjuk Prestasi yang dimaksudkan adalah seperti berikut;
 - 3.1. Pengawasan kejiranan kampung oleh Penghulu Mukim dan Ketua Kampung telah melaksanakan sebanyak **1,290 rondaan**, dimana **98.46% aduan atau dapatan hasil rondaan** berkenaan telah diambil tindakan dan dihadapkan kepada agensi-agensi yang berkenaan untuk tindakan selanjutnya;
 - 3.2. **99.23% aduan atau dapatan berkaitan kebajikan penduduk** mukim dan kampung, telah berjaya diambil tindakan, dipeduli dan dikelinga serta dihadapkan kepada agensi-agensi yang berkenaan untuk tindakan selanjutnya. Ini mencerminkan sikap pemedulian dan kecekapan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung dalam memberikan respons kepada setiap aduan yang diterima.
4. Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, menyentuh mengenai dengan **sistem respon bagi penerimaan aduan masyarakat, Penghulu Mukim dan Ketua Kampung akan turun padang untuk menilai** dan mendapatkan maklumat secara langsung daripada penduduk mukim dan kampung dengan mengisikan borang yang disediakan oleh Jabatan-Jabatan Daerah untuk disalurkan ke agensi-agensi yang

berkenaan. Jika maklumbalas tidak diterima dari agensi-agensi yang berkenaan, Jabatan-Jabatan Daerah akan membuat susulan mengenainya.

5. Sukacita dikongsikan, pada tahun 2024 sahaja berdasarkan perangkaan yang diterima daripada Talian Darussalam 123, daripada 1.2 juta aduan yang diterima (sama ada melalui aplikasi whatsapp, emel dan panggilan telefon ke 123), lebih 654,000 panggilan adalah dibuat berdasarkan aduan yang diterima dari masyarakat mukim dan kampung masing-masing. Dari jumlah tersebut, 91% aduan telah pun selesai diambil tindakan oleh agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan.
6. Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, ke arah membantu Penghulu Mukim dan Ketua Kampung mencapai Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang telah ditetapkan agar mereka dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik dan berkesan kepada penduduk di mukim dan kampung masing-masing, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri juga telah memperkenalkan **Rangka Kerja Kompetensi Sumber Manusia Penghulu Mukim dan Ketua Kampung (HRCF PMKK)** yang telah dilancarkan pada 22 haribulan Mac 2025 yang mana Rangka Kerja ini telah diberigakan di setiap daerah melalui sesi penerangan, penganjuran klinik dan bengkel bersama Penghulu Mukim dan Ketua Kampung. Rangka kerja ini telah mula dilaksanakan 1 haribulan Mei, 2025 dengan tujuan untuk mengenalpasti jurang kompetensi setiap Penghulu Mukim dan Ketua Kampung, dan seterusnya merangka latihan berasaskan kompetensi bagi meningkatkan kemahiran dan kapasiti mereka. Latihan ini memfokuskan kepada kompetensi **Teras, Kepimpinan** dan **Teknikal** dengan matlamat untuk memperkasa peranan mereka secara lebih efektif dan berkesan.

Sekian yang dapat Kaola sampaikan pada menjawab soalan berkenaan. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua.

No. Soalan: PL260

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG MOHAMMAD BIN
ABDULLAH @ LIM SWEE ANN

TARIKH : 06.08.2025 [RABU]

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG MOHAMMAD BIN ABDULLAH @ LIM SWEE ANN meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan apakah tindakan Kementerian mengenai isu atau proses tukar milik tanah yang mengambil masa yang terlalu lama diselesaikan oleh Jabatan Tanah terutamanya apabila pemilik asal meninggal dunia dan dituntut oleh waris (isteri atau anak)?

JAWAPAN:

- Terima Kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima Kasih juga diucapkan kepada Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann bagi soalan yang telah diajukan mengenai tindakan Kementerian bagi menangani isu proses tukar milik tanah yang mengambil masa untuk diselesaikan terutama apabila pemilik asal meninggal dunia dan dituntut oleh waris (isteri atau anak)?
- Dengan perlaksanaan dasar baru pada April tahun 2024 telah banyak mempercepatkan proses dan memendekkan tempoh proses tukar milik tanah. Secara purata 92.3% permohonan pindah milik tanah mendapat keputusan di dalam tempoh TPOR 3 bulan. Manakala daripada bulan Januari 2025 hingga Jun 2025 pencapaian telah meningkat kepada 97.7 % menepati TPOR.
 - Bagi proses tuntutan waris, Jabatan Tanah berperanan dalam:
 - 1) Menilai hartanah si mati
 - 2) Mendaftar pewaris-pewaris setelah mendapat perintah-perintah daripada Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah.
 - Berhubung dengan penilaian hartanah, Jabatan Tanah sedang meneliti cadangan alternatif untuk mengurangkan tempoh masa penilaian.
- Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Sekian sahaja jawapan yang Kaola dapat sampaikan dalam menjawab soalan daripada Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann.

No. Soalan: PL163**PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG HAJI DAUD BIN JIHAN****TARIKH : 06.08.2025 [RABU]****SOALAN:**

YANG BERHORMAT AWANG HAJI DAUD BIN JIHAN meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian bagi membantu pemilik tanah yang mempunyai tanah persendirian yang tidak dapat dimajukan atas sebab-sebab ada laluan kabel voltan tinggi dan sebagainya? Bolehkah pemilik tanah ini mendapat gantian tanah di tempat lain?

JAWAPAN:

- Terima Kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima Kasih juga diucapkan kepada Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan yang telah membangkitkan mengenai dengan tanah persendirian yang tidak dapat dimajukan atas sebab-sebab laluan kabel voltan tinggi dan sebagainya.
- Bagi menjawab persoalan ini, Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Tanah telah mengambil maklum mengenai isu ini, dan sentiasa berusaha untuk menangani cabaran yang dihadapi oleh pemilik tanah persendirian yang terkesan oleh faktor-faktor fizikal atau teknikal seperti laluan kabel voltan tinggi, saluran paip utama, rizab jalan dan sebagainya, yang boleh menjejaskan potensi pembangunan ke atas tanah mereka.
- Secara umumnya, bagi kes-kes seperti ini dan terbukti tanah tersebut tidak dapat dimanfaatkan sepenuhnya, pemilik tanah boleh mengemukakan permohonan rasmi kepada Jabatan Tanah untuk pertimbangan lanjut dengan dikenakan syarat-syarat tertentu dan melibatkan proses Wayleave Agreement dan pengambilan balik tanah/bayaran pampasan tanah.
- Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Sekian sahaja jawapan yang Kaola dapat sampaikan dalam menjawab soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan. Sekian, Terima Kasih.

No. Soalan: PL258

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG MOHAMMAD BIN
ABDULLAH @ LIM SWEE ANN

TARIKH : 06.08.2025 [RABU]

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG MOHAMMAD BIN ABDULLAH @ LIM SWEE ANN meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan apakah perkembangan atau pelaksanaan mengenai isu jalan raya dari Jambatan Rasau menuju ke Pos Kawalan Imigresen Sungai Tujuh?

JAWAPAN:

- Terima Kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima Kasih juga diucapkan kepada Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann bagi soalan yang telah diajukan mengenai pelaksanaan pembaikan jalan raya dari Jambatan Rasau menuju ke Pos Kawalan Imigresen Sungai Tujuh.
- Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Jalan Raya, Jabatan Kerja Raya menyasarkan sepanjang 5 KM jalan di Jalan Rasau melalui tiga kontrak penggal yang dijangka dapat dibaikpulih keseluruhannya pada tahun 2027 seperti berikut:

Projek 1: Membaikpulih Jalan di Jalan Rasau KM3 hingga KM4, Daerah Belait.

Projek ini melibatkan kerja-kerja pembaikan jalan yang rosak sepanjang 0.5km, yang telah bermula pada 27 Mei 2025 dan akan siap pada 27 Februari 2026. Skop kerja termasuk memperbaiki road base dengan menambah kekukuhan asas jalanraya menggunakan bahan Geotech, kerja-kerja melapis semula permukaan jalan raya dengan menggunakan aspal yang dicampur dengan bahan fibre, pemasangan papan tanda keselamatan serta penanda jalan raya (road line marking)

Projek 2: Membaiki dan Melapis Semula Jalan-Jalan Aspal (Lebuhraya / Jalan Utama / Jalan Kampung / Jalan Simpang / Perumahan Negara / Pejabat Kerajaan / Komersial) – Pakej 7 – Daerah Belait

Projek ini melibatkan kerja-kerja pembaikan Jalan Rasau sepanjang 4.5km yang mana telah dihadapkan ke Lembaga Tawaran Negara pada 28 Mei 2025 bagi kebenaran. Inshaa Allah kerja-kerja pembaikan ini dijangka akan siap pada Tahun 2027.

Projek 3: ADHOC – Term Contract for Maintenance of Roadworks at Jalan Rasau for a Period of Six (06) Months, Belait District.

Projek ini merupakan kerja-kerja penyelenggaraan Jalan Rasau dengan menggunakan kontrak sebutharga bagi tempoh 6 bulan yang telah bermula pada 3 Mei 2025 dan akan berakhir pada 2 November 2025.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Sekian sahaja jawapan yang Kaola dapat sampaikan dalam menjawab soalan daripada Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann.

No. Soalan: PL235

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA
LAILA SETIA DATO SERI SETIA AWANG HAJI
ABD. RAHMAN BIN HAJI IBRAHIM

TARIKH : 06.08.2025 [RABU]

SOALAN:

YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA LAILA SETIA DATO SERI SETIA AWANG HAJI ABD. RAHMAN BIN HAJI IBRAHIM meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan berapakah sudah peluang pekerjaan yang telah diwujudkan secara langsung oleh *FDIs* baru ini dalam tempoh tersebut, dan berapa peratuskah daripada pekerjaan ini telah dipenuhi oleh anak-anak tempatan? Dalam Pembentangan Belanjawan 2-3 tahun ini, telah dikongsikan mengenai beberapa projek *FDI* baru yang sedang dan akan beroperasi.

JAWAPAN:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Terima kasih atas pertanyaan Ahli Yang Berhormat **Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim** berhubung dengan peluang pekerjaan yang telah diwujudkan secara langsung oleh syarikat-syarikat Pelaburan Langsung Asing (*FDI*).

Dalam hal ini, merujuk data yang telah dikongsikan daripada Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB), setakat pada bulan Julai 2025, kira-kira 4,161 peluang pekerjaan telah diwujudkan dan dijawab oleh anak tempatan dan warga asing, hasil dari kemasukan syarikat *FDI* di pelbagai sektor di Negara Brunei Darussalam. Daripada jumlah tersebut, hampir 2 ribu jawatan (kira-kira 48 peratus) tersebut diisi oleh anak-anak tempatan. Pihak syarikat *FDI* akan terus berusaha melatih anak-anak tempatan untuk mengambil alih jawatan yang pada masa ini masih dijawab oleh tenaga kerja asing dalam tempoh waktu yang terdekat.

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

No. Soalan: PL150

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG ZAINOL BIN HAJI MOHAMED

TARIKH : 06.08.2025 [RABU]

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG ZAINOL BIN HAJI MOHAMED meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan apakah strategi Kementerian untuk merangka pemerkasaan ekonomi daerah secara menyeluruh dan berstruktur? Ini adalah agar pembangunan luar bandar tidak hanya bersifat berperingkat kecil, tetapi mampu menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara melalui penyertaan aktif perusahaan tempatan.

JAWAPAN:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua,

Kaola ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat **Awang Zainol bin Haji Mohamed** atas pertanyaan berhubung strategi Kementerian untuk merangka pemerkasaan ekonomi daerah secara menyeluruh dan berstruktur.

Dalam hal ini, pelaksanaan rangka kerja Economic Blueprint bagi Brunei Darussalam, khususnya jua melalui Aspirasi I, iaitu Perusahaan yang Produktif dan Pesat. Hala tuju dasar di bawah aspirasi ini menggalakkan pertumbuhan meluas dengan mengukuhkan sektor keutamaan, termasuk bagi meneroka aktiviti-aktiviti ekonomi baharu disamping menarik pelaburan langsung asing (FDI). Pembangunan perusahaan tempatan dan FDI, yang tidak hanya tertumpu di kawasan Bandar dan juga termasuk di kawasan luar bandar, adalah antara strategi utama yang turut menyokong pembangunan lima (5) sektor keutamaan (*priority sectors*).

Sebagai contoh, beberapa perusahaan tempatan dan syarikat FDI telah didokong pembangunannya di Daerah Tutong iaitu seperti bagi Syarikat Golden Corporation, iaitu sebuah perusahaan akuakultur serta pemprosesan makanan laut/ikan dan mengembangkan gudang sejuk (*cold storage*) dan infrastruktur logistik. Selain itu, Mori Farm, iaitu perusahaan yang mengutamakan kaedah pertanian bebas kimia dalam menghasilkan produk organik dan herba dalam bentuk serbuk seperti pudina, dill, serai dan oregano juga ada bertapak di *Sinaut Agriculture Training Centre* di Kampong Sinaut, Tutong. Antara pencapaian Mori Farm termasuk juga penyertaan syarikat tersebut di *ASEAN Trade Fair 2022* di Korea Selatan, mewakili negara bagi produk organik dan herba, sekali gus memberi pendedahan di peringkat antarabangsa, serta peluang pengesahan bagi pasaran eksport.

Dalam sektor pelancongan pula, Syarikat Freme Travel Services telah berjaya menyediakan perkhidmatan pelancongan melalui 3 cawangan di Kuala Belait, Seria dan Bandar Seri Begawan. Syarikat ini juga beroperasi di *Freme Rainforest Lodge* di Temburong dan menawarkan pakej eko-pelancongan seperti lawatan Taman Negara Ulu Temburong. Selain itu, *The Abode Resort and Spa*, iaitu resort yang berkonsepkan eko pelancongan, yang juga menggunakan tenaga solar, ada terletak di Labu, Temburong.

Dengan pelaksanaan hala tuju dasar ini dan sokongan berterusan kepada perusahaan tempatan, ianya diharap akan dapat menyumbang kepada pembangunan ekonomi daerah secara lebih inklusif dan mampan, dan seterusnya kepada kemajuan ekonomi negara secara menyeluruh.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, pihak Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) juga ada menyediakan program latihan dan inisiatif bimbingan keusahawanan dan akses pasaran, termasuk dalam menyokong inisiatif Satu Kampong Satu Produk (1K1P) dengan kerjasama Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

BEDB juga giat mengadakan sesi dialog dan pendekatan secara langsung dengan rakan kongsi seperti dewan-dewan perniagaan dan perusahaan-perusahaan iaitu sebagai usaha BEDB untuk lebih memahami cabaran-cabaran yang dihadapi oleh MSME, termasuk yang beroperasi di luar bandar.

Antara usaha terkini pihak BEDB termasuklah sesi Roundtable Dialogue bersama Komuniti Perniagaan Daerah Belait pada 12 haribulan Disember 2024, yang mana hasil daripada sesi dialog tersebut telahpun mengenalpasti sebanyak 6 cabaran kritikal yang menjejaskan perkembangan perniagaan MSME di daerah tersebut. Usaha ini diteruskan jua dengan pengendalian sebuah *Opportunity Framing Workshop* pada 25 haribulan Jun 2025 bersama pihak-pihak berkepentingan di Daerah Belait. Bengkel tersebut telah mengenalpasti 28 potensi sosial dan ekonomi yang dijangka dapat membantu menjana aktiviti perekonomian.

Selain itu, inisiatif-inisiatif lain yang telah dijalankan termasuklah seperti acara *MSME Roundtable Series* pada 10 haribulan Julai 2025 yang melibatkan pengusaha dalam industri permakanan Brunei; pelaksanaan sesi-sesi perkongsian mengenai perkhidmatan yang ditawarkan oleh BEDB bersama ahli-ahli Masyarakat Kampong melalui Program Masyarakat Bermaklumat yang dianjurkan oleh Jabatan Penerangan, yang mana telah juga meliputi penyertaan daripada pelbagai daerah. Disamping itu, BEDB juga telah mengadakan beberapa sesi penglibatan dan latihan keusahawanan dengan komuniti perniagaan di peringkat akar umbi termasuk kepada penjaja gerai dan tamu juga telah diadakan di Daerah Temburong, Majlis

Perundingan Kampong Bang Taong, Mukim Apak-Apak di Daerah Belait dan sebagainya.

Kementerian Kewangan dan Ekonomi amat menghargai penglibatan bersepadu dan kerjasama rapat yang telah diberikan oleh kesemua pihak-pihak berkepentingan setakat ini. Kementerian ini akan terus komited untuk meningkatkan lagi usaha-usaha dalam menyelaras dan memacu pembangunan ekonomi negara, bukan sahaja di kawasan luar bandar, malah secara menyeluruh, dengan kerjasama semua pihak berkepentingan termasuk agensi kerajaan dan juga sektor swasta.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.